

KERANGKA KONSEPTUAL BAGI MODEL ANALISIS KETEKSTUALAN DALAM WACANA HADIS: PENDEKATAN LINGUISTIK TEKS

CONCEPTUAL FRAMEWORK FOR THE TEXTUALITY ANALYSIS MODEL IN HADITH DISCOURSE: A TEXT LINGUISTIC APPROACH

Muhammad Izuan Abd Gani¹
Nazipah Mat Shaid @ Md Said^{2*}
Asem Shehadeh Saleh Ali³
Mohd Nor Adzhar Ibrahim⁴

¹Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: izuanis@usim.edu.my; <https://orcid.org/0009-0003-6743-7266>

²Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: nazipah@usim.edu.my; <https://orcid.org/0000-0003-1986-9526>

³Abdulhamid Abusulayman Kulliyyah Of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences,
Email: muhajir4@iiu.edu.my; <https://orcid.org/0000-0003-4453-7742>

⁴Faculty of Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: mnor.adzhar@usim.edu.my; <https://orcid.org/0000-0001-6578-5126>

Article history

Received date : 5-8-2026
Revised date : 6-8-2026
Accepted date : 12-9-2026
Published date : 17-9-2026

To cite this document:

Abd Gani, M. I., Mat Shaid @ Md Said, N., Saleh Ali, A. S., & Ibrahim, M. N. A. (2026). Kerangka konseptual bagi model analisis ketekstualan dalam wacana hadis: Pendekatan linguistik teks. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86), 254 – 267.

Abstrak: Kajian hadis Nabawi secara tradisional lazimnya menumpukan aspek sanad, status kesahihan, serta aspek linguistic daripada analisis bahasa pada peringkat leksikal dan sintaksis. Namun, analisis linguistik terhadap matan hadis masih bersifat terpisah kerana terbatas kepada unit kata dan ayat, tanpa menilai hadis sebagai satu teks yang mempunyai kesatuan makna, tujuan komunikasi dan hubungan konteks secara menyeluruh. Hal ini menyebabkan aspek tekstual hadis masih belum dianalisis secara menyeluruh dan sistematik. Sehubungan itu, kertas konsep ini bertujuan mencadangkan satu model analisis hadis berasaskan pendekatan ketekstualan dalam disiplin linguistik teks. Pendekatan ini menekankan tujuh piawaian utama ketekstualan, iaitu kohesi (Cohesion), koherensi (Coherence), kesengajaan (intensionality), kebolehterimaan (acceptability), keinformatifan (informativity), kesituasian (situationality) dan ketertekstualan (intertextuality), sebagai asas dalam memahami struktur dan makna wacana hadis secara lebih holistik. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan aplikasi kaedah analisis kandungan (content analysis) dan sintesis konseptual (conceptual synthesis) melalui penelitian terhadap literatur berkaitan linguistik teks dan ulum al-hadith bagi membina model konseptual yang integratif. Hasil perbincangan menunjukkan bahawa penerapan elemen ketekstualan mampu memperkayakan pentafsiran hadis dengan menonjolkan aspek tujuan komunikasi Rasulullah SAW, hubungan antara unsur bahasa, serta konteks situasi yang melatari pengucapan hadis. Satu model konseptual analisis hadis berasaskan ketekstualan dicadangkan sebagai landasan kepada kajian empirikal pada masa

hadapan, khususnya dalam memahami makna tersirat dan fungsi komunikatif hadis Nabawi secara lebih komprehensif.

Kata Kunci: Analisis Wacana; Hadis Nabawi; Linguistik Teks Ketekstualan; Pentafsiran Hadis

Abstract: *Traditional studies of Prophetic Hadith have predominantly focused on the chain of transmission (isnād), authenticity status, and linguistic aspects through analyses conducted at the lexical and syntactic levels. However, linguistic analyses of Hadith texts (matn) remain fragmented, as they are largely confined to individual words and sentences without examining the Hadith as a text characterised by semantic unity, communicative purpose, and contextual interconnectedness. Consequently, the textual dimensions of Prophetic Hadith have yet to be examined comprehensively and systematically. Accordingly, this conceptual paper aims to propose a Hadith analysis model based on the textuality approach within the discipline of text linguistics. This approach emphasises seven core standards of textuality, namely cohesion, coherence, intentionality, acceptability, informativity, situationality, and intertextuality, as a foundation for understanding the structure and meaning of Hadith discourse in a more holistic manner. This study adopts a qualitative research design, employing content analysis and conceptual synthesis through a review of literature related to text linguistics and ‘ulūm al-ḥadīth to develop an integrative conceptual model. The discussion demonstrates that applying the principles of textuality can enrich the interpretation of Prophetic Hadith by highlighting the communicative purposes of the Prophet Muhammad (PBUH), the relationships among linguistic elements, and the situational contexts underlying Hadith utterances. Accordingly, a conceptual model for Hadith analysis based on textuality is proposed as a foundation for future empirical research, particularly in gaining a more comprehensive understanding of the implicit meanings and communicative functions of Prophetic Hadith.*

Keywords: *Discourse Analysis; Hadith Interpretation; Prophetic Hadith; Textuality; Text Linguistics*

Pengenalan

Hadis Nabawi merupakan sumber perundangan dan rujukan epistemologi yang kedua terpenting dalam Islam selepas al-Qur'an. Wacana hadis Nabawi sarat dengan elemen linguistik yang memberikan keupayaan kepadanya untuk ditafsirkan dan difahami merentas zaman bahkan dalam konteks masyarakat yang berbeza. Daripada perspektif linguistik dan teologi, wacana hadis yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW bukanlah sekadar wacana komunikasi manusiawi biasa (Abd Gani & Ali, 2021), sebaliknya ia diangkat dan diiktiraf sebagai wacana sakral (*sacred discourse*) yang dipandu oleh wahyu (Al-Attas, 1995). Keistimewaan wacana Nabawi ini terserlah melalui ciri-cirinya sebagai *jawāmi' al-kalim*, iaitu keupayaan mengungkapkan makna yang luas, mendalam dan padat melalui struktur lafaz yang ringkas tetapi sarat dengan dimensi makna (Ibn Hajar, 2004). Oleh itu, ketelitian dalam memahami dan menganalisis teks hadis merupakan satu tuntutan yang penting bagi memastikan tiada penyelewengan makna yang boleh menjejaskan kemurnian syariat serta kefahaman umat terhadap sunnah Nabi SAW.

Secara tradisinya, ulama hadis dan sarjana Islam telah mendahului dalam membangunkan instrumen analisis matan hadis yang sangat teliti dan sistematik melalui disiplin ilmu seperti *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, *Gharīb al-Ḥadīth*, *Asbāb al-Wurūd* dan *Sharḥ al-Ḥadīth*. Disiplin-disiplin

ini berfungsi sebagai mekanisme interpretatif yang menggabungkan penelitian sanad, matan, serta konteks pengucapan hadis secara integratif dalam kerangka epistemologi islam klasik (Ibn al-Ṣalāh, 1986; al-Suyūṭī, 1974; Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, 1984). Perkembangan kajian semasa dalam bidang linguistik guna pula menunjukkan kecenderungan sarjana moden untuk menganalisis teks agama menggunakan pendekatan wacana kontemporari yang pelbagai serta mengintegrasikannya dengan disiplin ilmu bahasa Arab tradisional seperti ilmu linguistik dan balaghah bagi menyingkap makna tekstual yang lebih mendalam dan menyeluruh (Nashih et al., 2024). Dalam konteks ini, analisis tekstual dan kontekstual terhadap teks agama, khususnya matan hadis, mula diberikan perhatian yang lebih meluas bagi memahami maksud syariat secara komprehensif dalam kerangka metodologi kajian moden (Rozi & Imamuddin, 2025).

Walau bagaimanapun, tinjauan terhadap literatur sedia ada mendapati bahawa tumpuan analisis linguistik terhadap matan hadis masih berfokus pada kerangka linguistik mikro, iaitu penganalisan yang terbatas pada aras ayat setempat melalui penelitian terhadap aspek perkataan, morfologi, sintaksis dan semantik secara terpisah tanpa meneliti hubungan tekstual yang lebih menyeluruh antara komponen wacana hadis (Ḥassan, 1979; Al-Samarrai, 2000; Abd Gani & Ali, 2022). Pendekatan sebegini, walaupun bermanfaat dalam menghuraikan aspek nahu, ṣarf dan semantik pada aras ayat, namun ia mempunyai keterbatasan dalam melihat hadis sebagai satu kesatuan wacana yang utuh dan holistik pada aras makro. Penelitian begini menyebabkan hubungan antara struktur bahasa, konteks komunikasi, dan fungsi makna dalam teks hadis tidak dianalisis secara integratif sebagaimana yang diketengahkan oleh Halliday & Hasan (1976) dan van Dijk (1980) dalam disiplin ilmu Linguistik Teks Moden.

Tambahan pula, kajian yang mengaplikasi teori Linguistik Teks secara menyeluruh, khususnya menggunakan kerangka ketekstualan melalui tujuh standard teks yang diasaskan oleh Robert-Alain de Beaugrande & Wolfgang Ulrich Dressler (1981), masih amat terhad dalam korpus kajian hadis. Selain itu, kebanyakan instrumen linguistik barat sering diaplikasikan secara langsung terhadap teks agama tanpa melakukan penyesuaian epistemologi yang sepatutnya terhadap sifat sakral teks hadis iaitu sebagai wahyu *ghayr mathw* dan wacana kenabian (Al-Attas, 1995). Situasi ini mewujudkan ketidakseimbangan epistemologi apabila elemen teologi seperti autoriti wahyu, dimensi *tasyri* dan identiti penerima sunnah sebagai komuniti beriman tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dalam analisis tekstual moden. Oleh itu, wujud keperluan empirikal dan teoretikal untuk membina satu kerangka konseptual yang mampu mengintegrasikan ketegaran analisis Linguistik Teks dengan prinsip teologi wacana sakral Nabawi secara lebih holistik dan berdisiplin.

Bertitik tolak dari keperluan dan ketidakseimbangan tersebut, kajian ini bertujuan untuk membangunkan satu kerangka konseptual bagi analisis matan hadis berasaskan pendekatan ketekstualan dalam disiplin Linguistik Teks. Kajian ini berpandangan bahawa tujuh standard ketekstualan teks iaitu (1) kohesi (*cohesion*), (2) koherensi (*coherence*), (3) kesengajaan (*intentionality*), (4) kebolehterimaan (*acceptability*), (5) keinformatifan (*informativity*), (6) kesituasian (*situationality*) dan (7) ketertekstualan (*intertextuality*) (de Beaugrande & Dressler, 1981), adalah sangat komprehensif dan relevan untuk merungkai struktur wacana Nabawi apabila disepadukan secara sistematik dengan disiplin ilmu hadis tradisional dan prinsip epistemologi Islam.

Melalui kajian ini, model konseptual yang dicadangkan akan menilai teks daripada aspek intrinsik (struktur linguistik), pragmatik (niat komunikasi), serta ekstrinsik (konteks sosial dan intertekstual) secara bersepadu. Pendekatan ini bukan sahaja mengekalkan kesucian hadis

sebagai wacana sakral, malah menawarkan satu pendekatan analisis kontemporari yang lebih sistematik, multidimensi, dan berasaskan integrasi ilmu turath dan moden.

Sorotan Literatur

Bahagian ini membincangkan sorotan literatur bagi landasan konseptual dan teoretikal yang mendasari dalam pembentukan model analisis ketekstualan wacana hadis. Perbincangan ini tertumpu kepada 2 bahagian utama iaitu (1) epistemologi kajian hadis dan (2) pendekatan ketekstualan dalam Linguistik Teks.

Epistemologi Kajian Hadis

Kedudukan hadis Nabawi yang tinggi di sisi agama dan umat islam menuntut kepada penelitian dan kefahaman yang baik. Antara teras yang mendasari dalam pemahaman hadis ini adalah kedudukannya sebagai wacana sakral, konsep jawami' al-kalim dan keistimewaan retorika Nabawi serta kedudukan hadis dalam kerangka teologi dan identiti umat.

Hadis Nabawi Sebagai Wacana Sakral

Wacana sakral (*sacred discourse*) merujuk kepada bentuk komunikasi linguistik yang berkait dengan unsur ketuhanan, kesucian, ritual, dan autoriti agama dalam sesebuah masyarakat (Graham, 1993). Dalam konteks Islam, hadis Nabawi tidak boleh dianggap sekadar teks sejarah atau warisan sastra Arab klasik, bahkan ia merupakan sebahagian daripada wacana wahyu yang berperanan sebagai asas normatif dalam membentuk akidah, syariat, dan kehidupan umat Islam. Kedudukan hadis sebagai wacana sakral berkait rapat dengan fungsinya sebagai penjelas kepada al-Qur'an serta medium penyampaian syariat melalui perkataan, perbuatan, dan pengakuan Nabi Muhammad SAW (al-Qaradawi, 1990).

Kefahaman di atas memperlihatkan bahawa bahasa yang digunakan di dalam hadis Nabawi, tidak boleh dilihat semata-mata sebagai struktur linguistik yang bebas daripada dimensi keagamaan. Sebaliknya, setiap unsur linguistik dalam hadis mengandungi fungsi komunikatif dan pedagogi yang berkaitan secara langsung dengan penyampaian wahyu serta pembentukan kefahaman kepada penerima mesej hadis. Dalam tradisi ilmu hadis, para ulama sejak awal telah menitikberatkan penelitian terhadap makna lafaz, konteks pengucapan, serta tujuan komunikasi hadis melalui disiplin seperti *Gharib al-Hadith*, *Asbab al-Wurud*, dan syarah hadis. Hal ini menunjukkan bahawa pemahaman matan hadis memerlukan penelitian yang menyeluruh dengan menggabungkan dimensi linguistik dan teologi secara serentak.

Kegagalan meneliti wacana hadis dengan pendekatan integrasi antara struktur linguistik dan teologi agama boleh membawa kepada kecenderungan tafsiran yang tidak seimbang, sama ada terlalu literal sehingga mengabaikan konteks komunikasi, ataupun terlalu longgar sehingga menghakis autoriti dan kesakralan hadis sebagai sumber syariat (Ahmad, 2026). Oleh yang demikian, pendekatan terhadap hadis sebagai wacana sakral amat penting bagi memastikan analisis linguistik yang dilakukan tidak terpisah daripada asas epistemologi dan autoriti wahyu dalam Islam.

Konsep Jawami' al-Kalim dan Keistimewaan Retorika Nabawi

Ungkapan retorika Nabawi mempunyai ciri yang unik dan istimewa apabila ia diangkat sebagai *Jawami' al-Kalim*, iaitu keupayaan Nabi Muhammad SAW menyampaikan makna yang luas dan mendalam melalui ungkapan yang ringkas (Zakiar, 2024). Perkara ini bersandarkan hadis Nabi SAW:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله: (بُعِثْتُ بِجَوَامِعِ الْكَلِمِ...)

Yang bermaksud: “Aku diutuskan dengan jawami‘ al-kalim.”

Riwayat Sahih al-Bukhari

Keistimewaan ini memperlihatkan bahawa wacana Nabawi memiliki ciri ekonomi bahasa yang tinggi, tetapi dalam masa yang sama sarat dengan kepadatan makna dan keluasan interpretasi dari pelbagai konteks. Dari sudut linguistik teks, gaya bahasa *Jawami‘ al-Kalim* mempunyai keunikan tersendiri kerana membawa kepadatan tahap keinformatifan (*informativity*) dan koherensi (*coherence*) yang sangat tinggi. Setiap pemilihan perkataan, susunan ayat, dan gaya penyampaian (seperti penggunaan metafora atau perumpamaan) berfungsi secara khusus untuk memberi kesan mendalam kepada penerima mesej (de Beaugrande & Dressler, 1981).

Ciri ini sangat berbeza dengan komunikasi manusia biasa yang sering memerlukan penjelasan panjang. Sebaliknya, hadis Nabawi dengan prinsip bahasa yang ringkas tetapi padat telah memperlihatkan kemampuan menyampaikan prinsip hukum tanpa mengurangkan ketepatan makna serta tanpa menimbulkan kekeliruan (Ghani, 2024). Keadaan ini menjadikan hadis bukan sekadar medium penyampaian maklumat, tetapi juga instrumen pembentukan pemikiran, tingkah laku, dan norma hidup umat Islam.

Selain itu, penggunaan unsur metafora, perumpamaan, pengulangan, dan gaya persuasif dalam hadis menunjukkan bahawa retorika Nabawi mempunyai dimensi pragmatik yang sangat kuat. Oleh itu, analisis terhadap struktur linguistik hadis tidak seharusnya terbatas pada aras ayat setempat yang hanya meneliti aspek leksikal, morfologi, sintek dan semantik semata-mata, sebaliknya ia perlu diteliti sebagai strategi komunikasi yang bermakna untuk panduan manusia merentas konteks, zaman, tempat dan masyarakat.

Hadis dalam Kerangka Teologi dan Identiti Umat

Pendekatan wacana sakral dalam menganalisis hadis secara langsung menolak kecenderungan mengkaji matan hadis hanya sebagai struktur tatabahasa yang bersifat mekanikal dan kaku (Ahmad, 2026). Selari dengan pandangan sarjana moden, teks keagamaan seperti Al-Qur'an dan hadis mempunyai peranan yang dinamik sebagai sumber pembentukan identiti, budaya, dan orientasi kehidupan umat melalui konsep Sunnah (al-Qaradawi, 1990). Jika analisis bahasa dipisahkan daripada aspek keimanan, matan hadis akan kehilangan kuasanya sebagai panduan agama dan hanya akan dilihat seperti teks sastera lama (Nasr, 1994). Akibatnya, hubungan antara maksud wahyu dengan realiti amalan hidup masyarakat akan terputus.

Dalam konteks pembentukan jati diri umat, bahasa Arab dalam hadis bertindak sebagai medium penyampaian nilai, etika, dan kerangka pemikiran Islam yang membentuk budaya hidup masyarakat Muslim di pelbagai tempat dan zaman (al-Qaradawi, 1990; Abdul-Raof, 2006). Teks hadis bukan hanya menuntut kefahaman makna, tetapi ia menuntut tindakan nyata, iaitu menterjemahkan teks kepada amalan hidup seharian yang dikenali sebagai Sunnah. Oleh sebab itu, struktur bahasa dalam hadis sentiasa terikat dengan niat sebenar yang dimaksudkan Nabi SAW sebagai penyampai syariat dan penerimaan umat terhadap hujah keagamaan tersebut. Atas dasar ini, pembinaan kerangka konseptual menggunakan teori Linguistik Teks moden perlu menerima hakikat bahawa hadis ialah wacana yang hidup. Setiap hubungan antara lafaz, makna, konteks, dan tujuan komunikasi dalam hadis sentiasa berkait untuk memelihara ajaran agama serta jati diri umat, bukan sekadar mematuhi hukum tatabahasa Arab yang terpencil.

Pendekatan Ketekstualan Dalam Linguistik Teks

Disiplin kajian bahasa telah mengalami perkembangan yang pesat dalam usaha memahami bagaimana manusia menggunakan bahasa dalam proses komunikasi. Antaranya adalah pendekatan ketekstualan dalam bidang Linguistik Teks yang menawarkan satu perspektif baharu yang melihat bahasa bukan sekadar struktur linguistik pada aras ayat, tetapi sebagai satu sistem komunikasi yang hidup, dinamik, dan berkait dengan konteks sosial dalam penggunaannya (Renkema, 2004). Sehubungan itu, bahagian ini membincangkan asas teori Linguistik Teks serta memperkenalkan tujuh standard ketekstualan teks yang menjadi asas utama dalam pembinaan kerangka konseptual kajian ini.

Definisi dan Teori Asas Linguistik Teks

Pada sejarah awal perkembangan linguistik moden, fokus utama kajian bahasa bermula dengan memberi tertumpu kepada bidang linguistik mikro. Linguistik mikro ialah satu pendekatan yang menganalisis secara khusus kepada struktur dalaman bahasa seperti fonologi, morfologi, dan sintaksis secara terpisah pada aras ayat (Chomsky, 1965). Walaupun analisis peringkat mikro ini berjaya merungkai hukum-hukum tatabahasa, ia mempunyai keterbatasan yang jelas kerana memisahkan bahasa daripada konteks komunikasi sebenar dalam Masyarakat sosial (Crystal, 2020).

Menyedari kelemahan tersebut, sarjana linguistik pada sekitar tahun 1970-an mula beralih kepada analisis linguistik makro yang memberikan tumpuan kepada aras teks dan wacana secara menyeluruh (Halliday & Hasan, 1976). Peralihan daripada aras ayat (mikro) kepada aras teks (makro) ini didorong oleh kesedaran bahawa komunikasi manusia tidak berlaku melalui ayat tunggal yang berdiri sendiri dan terpisah, sebaliknya, manusia berkomunikasi menggunakan jalinan ayat yang membentuk sebuah teks yang utuh dan bermakna (Nunan, 1993). Melalui perspektif baharu ini, Linguistik Teks menetapkan bahawa teks ialah unit asas komunikasi yang membawa maksud lengkap dalam sesuatu interaksi sosial (Brown & Yule, 1983).

Kesannya, penentuan makna sesebuah teks tidak lagi bergantung kepada ketepatan struktur tatabahasa semata-mata, tetapi turut dipengaruhi bersama oleh niat penutur, penerimaan pendengar, serta konteks situasi ketika sesuatu teks dihasilkan dan ditafsirkan (McCarthy, 1991). Pendekatan ini menjadikan analisis teks lebih bersifat holistik kerana melibatkan dimensi linguistik, pragmatik, dan sosial secara serentak.

Tujuh Standard Ketekstualan

Dalam perkembangan Linguistik Teks moden, kerangka ketekstualan yang diperkenalkan oleh de Beaugrande dan Dressler (1981) merupakan antara model yang paling berpengaruh dalam analisis teks dan wacana. Mereka mengemukakan tujuh standard ketekstualan teks yang berfungsi sebagai syarat utama untuk menentukan sama ada sesuatu wacana dapat berfungsi sebagai teks yang bermakna dan komunikatif. Jika sesuatu wacana gagal memenuhi standard-standard ini, ia akan kehilangan fungsi komunikasinya dan gagal difahami oleh penerima mesej bagi wacana tersebut.

Standard pertama ialah kohesi (*cohesion*), yang merujuk kepada hubungan formal pada permukaan teks yang diwujudkan melalui unsur tatabahasa seperti kata hubung, rujukan, penggantian, dan pengulangan leksikal bagi menghubungkan bahagian-bahagian teks antara satu sama lain (Halliday & Hasan, 1976). Standard kedua, koherensi (*coherence*), pula merujuk

kepada hubungan makna dan kesinambungan idea dalam sesuatu teks sehingga membentuk pemahaman yang logik dan tersusun (de Beaugrande & Dressler, 1981).

Standard ketiga dan keempat pula melibatkan dimensi komunikatif peserta wacana, iaitu kesengajaan (*intentionality*) dan kebolehterimaan (*acceptability*). Kesengajaan berkaitan dengan sikap, niat, dan matlamat penutur atau penulis yang ingin menyampaikan sesuatu mesej khusus melalui teks yang dibina (Renkema, 2004). Sebaliknya, kebolehterimaan merujuk kepada kesediaan dan keupayaan pendengar atau pembaca untuk menerima mesej teks tersebut sebagai sesuatu yang relevan, bermakna dan mempunyai nilai maklumat yang boleh difahami (McCarthy, 1991).

Standard kelima ialah keinformatifan (*informativity*), yang menilai tahap pembaharuan maklumat yang terkandung dalam sesuatu teks, sama ada teks itu menyampaikan sesuatu yang tidak dijangka atau sekadar mengulang maklumat yang sedia diketahui (Crystal, 2020). Standard keenam, kesituasian (*situationality*), yang merujuk kepada hubungan antara teks dengan faktor situasi luar seperti konteks masa, tempat, budaya, dan keadaan komunikasi ketika teks digunakan (Brown & Yule, 1983). Akhir sekali, standard ketujuh ialah ketertekstualan (*intertextuality*), iaitu hubungan sesuatu teks dengan teks-teks lain yang telah wujud sebelum itu untuk membantu melengkapkan pemahaman makna secara keseluruhan (de Beaugrande & Dressler, 1981). Melalui gabungan ketujuh-tujuh standard ini, sesuatu teks dapat dianalisis secara lebih menyeluruh daripada aspek struktur linguistik sehinggalah kepada dimensi pragmatik dan konteks sosial yang mendasari penghasilannya.

Metodologi Kajian

Makalah ini merupakan sebuah kajian konseptual yang menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya, berpandukan reka bentuk penyelidikan kepustakaan. Kajian ini tidak melibatkan pengumpulan data empirikal lapangan kerana fokus utamanya adalah untuk membangunkan serta mencadangkan sebuah kerangka konseptual baharu bagi analisis matan hadis berasaskan pendekatan ketekstualan teks. Sehubungan itu, penelitian kajian tertumpu kepada analisis kritikal terhadap dokumen, teks, dan literatur yang berkaitan secara mendalam dan sistematik.

Pengumpulan data dalam kajian ini bersandarkan kepada dua kategori sumber utama, iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer merangkumi karya autoritatif dalam disiplin ilmu hadis tradisional, termasuklah karya sains hadis seperti *Mustalah al-Hadith*, *Asbab al-Wurud*, *Gharib al-Hadith*, serta rujukan syarah hadis yang muktamad seperti *Fath al-Bari*. Manakala sumber sekunder pula terdiri daripada buku, artikel jurnal, dan penulisan akademik kontemporari yang membincangkan disiplin Linguistik Teks, khususnya kerangka ketekstualan yang diasaskan oleh Robert de Beaugrande dan Wolfgang Ulrich Dressler (1981), di samping kajian berkaitan wacana sakral (*sacred discourse*), dan analisis wacana teks keagamaan.

Dari aspek penganalisan, kajian ini mengaplikasikan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan sintesis konseptual (*conceptual synthesis*) yang dilaksanakan melalui tiga fasa utama. Fasa pertama melibatkan proses pengenaltastian serta penghuraian ciri-ciri tekstual matan hadis dan elemen-elemen autoritatifnya berdasarkan disiplin ilmu hadis tradisional. Fasa kedua melibatkan proses pemetaan konseptual (*conceptual mapping*) secara sistematik antara tujuh standard ketekstualan teks dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam disiplin ilmu hadis. Pada peringkat ini, setiap standard ketekstualan dianalisis dari sudut kesesuaian, fungsi, dan kebolegunaannya dalam konteks wacana Nabawi. Seterusnya, fasa ketiga melibatkan proses adaptasi dan integrasi epistemologi, iaitu dengan menyesuaikan kerangka ketekstualan

tersebut dengan dimensi teologi dan autoriti wahyu bagi menghasilkan model konseptual akhir yang lebih selaras dengan sifat sakral hadis.

Melalui pendekatan ini, standard ketekstualan teks dianalisis berdasarkan tiga dimensi utama, iaitu dimensi intrinsik yang merujuk kepada struktur linguistik teks, dimensi pragmatik yang melibatkan orientasi komunikasi dan autoriti penutur, serta dimensi ekstrinsik yang berkaitan dengan konteks sosial, situasi, dan hubungan intertekstual hadis. Pendekatan analisis bersepadu ini membolehkan pembinaan satu kerangka konseptual yang lebih holistik dan kontekstual dalam analisis matan hadis tanpa mengabaikan kedudukan hadis sebagai sumber syariat yang berautoriti dan sakral.

Model Konseptual Analisis Ketekstualan dalam Wacana Hadis

Bahagian ini merupakan teras utama makalah, iaitu usaha mengintegrasikan kerangka Linguistik Teks dengan disiplin ilmu hadis dalam menganalisis matan hadis secara lebih holistik. Walaupun model tujuh standard ketekstualan teks yang diperkenalkan oleh Robert de Beaugrande dan Wolfgang Ulrich Dressler (1981) pada asalnya dibangunkan bagi menganalisis teks umum, kerangka tersebut didapati mempunyai potensi yang signifikan untuk diaplikasikan terhadap matan hadis apabila disesuaikan dengan sifat hadis sebagai wacana sakral dan berautoriti (Graham, 1993; Ali & al-Dahgishiyah, 2018; Abd Gani, 2022).

Pendekatan integratif ini tidak bertujuan mengubah prinsip ilmu hadis tradisional, sebaliknya berfungsi memperluas dimensi analisis teks melalui gabungan elemen linguistik, pragmatik, dan konteks sosial. Melalui pendekatan ini, matan hadis dapat dianalisis bukan sahaja daripada aspek struktur bahasa, tetapi juga daripada sudut tujuan komunikasi, hubungan dengan penerima, serta konteks pewahyuan dan penyampaianya.

Dimensi Teks Intrinsik (Struktur & Makna)

Pendekatan intrinsik merupakan satu kaedah analisis yang memberikan tumpuan sepenuhnya kepada aspek dalaman yang terdiri daripada elemen-elemen fizikal dan teknikal yang membina sesebuah teks itu sendiri tanpa melibatkan faktor luaran seperti latar belakang penulis, teks atau sejarah (Wellek & Warren, 1948). Dalam konteks wacana hadis Nabawi yang memperlihatkan ciri *Jawami' al-Kalim*, iaitu penggunaan ungkapan yang ringkas tetapi padat dengan makna syariat dan nilai komunikasi (al-Bukhari; Abdul-Raof, 2006), dimensi intrinsik meneliti matan hadis daripada aspek struktur bahasa dan hubungan makna dalaman teks melalui aplikasi standard kohesi dan koherensi. Ini selari dengan

Dari sudut kohesi, unsur tatabahasa seperti kata hubung (*harf al-'atf*), rujukan kata ganti nama (*dhamir*), pengulangan leksikal, dan struktur sintaksis memainkan peranan penting dalam membentuk hubungan antara komponen teks hadis. Hubungan formal ini sepertimana ditegaskan Halliday & Hasan, (1976), membolehkan teks mengekalkan keringkasan lafaz tanpa memutuskan kesinambungan makna dan ini selari dengan ciri-ciri teks hadis Nabawi.

Manakala dari sudut koherensi pula, matan hadis memperlihatkan hubungan makna yang tersusun dan saling berkait antara idea yang disampaikan. Kepadatan makna dalam struktur hadis membolehkan para ulama mengembangkan pelbagai perbahasan hukum dan interpretasi fiqh daripada satu hadis yang ringkas. Keadaan ini menunjukkan bahawa wacana hadis memiliki tahap koherensi dan kepadatan maklumat yang tinggi sebagai sebuah teks komunikatif (Ali, 2013).

Dimensi Pragmatik dan Teologi

Dimensi ini menilai hubungan komunikatif antara penutur, iaitu Nabi Muhammad SAW, dengan penerima hadis melalui aplikasi standard kesengajaan (*intentionality*) dan kebolehterimaan (*acceptability*). Dalam konteks wacana hadis, sesuatu ujaran Nabi SAW tidak terhasil secara spontan dan rawak tanpa tujuan, sebaliknya ia didorong oleh niat dan maksud tertentu yang berkait dengan bimbingan moral kenabian daripada fungsi dakwah, tarbiah ummah, pembentukan akhlak, serta motif pensyariaan hukum (al-Qaradawi, 1990). Elemen ini mungkin terkandung dalam bentuk eksplisit dan implisit yang perlu dirungkai dengan teliti.

Selain itu, standard kesengajaan dalam konteks pragmatik hadis dapat dijelaskan melalui Teori Tindak Tutur (*Speech Act Theory*) yang diasaskan oleh J. L. Austin dan dikembangkan oleh John Searle. Teori ini menegaskan bahawa bahasa bukan sekadar alat menyampaikan maklumat, tetapi juga merupakan tindakan sosial yang membawa fungsi tertentu dalam komunikasi (Austin, 1962; Searle, 1969). Maka dalam konteks hadis Nabawi, setiap ujaran Nabi SAW bukan hanya berbentuk penyampaian maklumat (*locutionary act*), bahkan mengandungi tujuan tertentu (*illocutionary act*) seperti perintah, larangan, nasihat, penegasan hukum, dan pendidikan akhlak yang seterusnya menghasilkan kesan terhadap penerima (*perlocutionary act*).

Manakala, standard kebolehterimaan (*acceptability*) pula berkait dengan bagaimana para Sahabat dan ummat islam menerima dan memahami hadis sebagai sumber autoritatif yang wajib diyakini, diamalkan, dan disampaikan kepada generasi seterusnya. Penerimaan hadis dalam tradisi Islam tidak terbatas kepada penerimaan maklumat semata-mata, bahkan melibatkan unsur keimanan dan tanggungjawab agama (taklif).

Hubungan yang berlangsung antara kesengajaan Nabi SAW sebagai penyampai wahyu dengan kebolehterimaan umat sebagai penerima mesej menjadikan hadis sebagai suatu wacana sakral yang hidup dan berfungsi merentas zaman dan tempat. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa hadis bukan sekadar teks linguistik yang statik, tetapi merupakan wacana performatif yang berfungsi membentuk kefahaman, tindakan, dan orientasi hidup umat Islam.

Dimensi Ekstrinsik (Kontekstual dan Persekitaran Luar Teks)


Analisis terhadap matan hadis tidak boleh terbatas kepada aspek dalaman (intrinsik) semata-mata, sebaliknya perlu meliputi dimensi ekstrinsik. Menurut Wellek & Warren (1948), dimensi ekstrinsik merujuk kepada faktor-faktor luaran di sebalik tabir yang mempengaruhi penghasilan, penyampaian, dan kefahaman sesebuah teks yang merangkumi aspek kontekstual dan persekitaran luar dari wacana tersebut. Oleh itu, dimensi kontekstual matan hadis dapat dihubungkan dengan faktor luar teks hadis melalui aplikasi standard kesituasian (*situationality*), keinformatifan (*informativity*) dan ketertekstualan (*intertextuality*).

Dalam konteks ilmu hadis, standard kesituasian (*situationality*) mempunyai hubungan yang rapat dengan disiplin *Asbab al-Wurud*, iaitu penelitian terhadap latar belakang peristiwa, lokasi, situasi, dan konteks sosial yang melatari sesuatu hadis (Setiawan, 2026). Penelitian terhadap faktor situasi amat penting kerana sesuatu hadis sering diungkapkan dalam konteks tertentu yang mempengaruhi makna dan tujuan komunikasinya (Fauzi Deraman, 2001). Pengabaian konteks situasi boleh membawa kepada kecenderungan tafsiran literal yang terpisah dan tersasar daripada maksud asal hadis (Berutu, 2021).

Selain itu, Standard keinformatifan (*informativity*) pula merujuk kepada tahap kebaruan maklumat yang dibawa oleh sesuatu hadis dalam konteks komunikasi syariat. Sebahagian hadis berfungsi mengukuhkan prinsip yang telah dinyatakan dalam al-Qur'an (keinformatifan rendah), manakala sebahagian lain memperincikan hukum, etika, dan panduan kehidupan yang tidak dihuraikan secara langsung dalam nas al-Qur'an (keinformatifan tinggi). Oleh itu, tahap keinformatifan hadis boleh dinilai berdasarkan fungsi komunikatif dan sumbangannya dalam penyampaian maklumat syariat kepada umat Islam.

Manakala standard ketertekstualan (*intertextuality*) melihat kepada bagaimana sesuatu wacana hadis itu berinteraksi dengan sumber wahyu yang lain. Sebuah hadis tidak pernah wujud secara terasing, tetapi mempunyai hubungan dengan teks-teks lain sama ada al-Qur'an, hadis-hadis lain, atau prinsip umum syariat. Hubungan mempunyai kaitan sama ada untuk memperincikan hukum di dalam Al-Qur'an, menyokong makna hadis-hadis lain, atau mengecualikan ketetapan yang umum (de Beaugrande & Dressler, 1981).

Hasil daripada integrasi ini membentuk satu model analisis ketekstualan teks dalam wacana hadis yang dapat disimpulkan sepertimana dalam rajah 1 berikut:



Rajah 1: Model Konseptual Analisis Ketekstualan Wacana Hadis Nabawi

Kesimpulan

Pembinaan kerangka konseptual model ketekstualan dalam wacana hadis ini melibatkan integrasi aspek Linguistik Teks dan disiplin ilmu hadis. Model ini menggariskan tiga dimensi utama dalam menganalisis wacana hadis Nabawi iaitu pertama, dimensi intrinsik (Kohesi dan

Koherensi) yang mengangkat nilai pada ciri keistimewaan Jawami' al-Kalim. Dimensi instrinsik mengetengahkan elemen fungsional yang mempengaruhi makna syariat. Jalinan kohesi pada matan hadis memastikan rantai makna yang terhasil tidak terkeluar daripada sempadan teks asal. Dimensi kedua berkaitan pragmatik dan teologi dalam bentuk elemen kesengajaan (*intentionality*) dan kebolehterimaan (*acceptability*) di mana ia menilai hubungan komunikatif antara penutur, iaitu Nabi Muhammad SAW, dengan penerima hadis. Dimensi ini menonjolkan dorongan oleh niat dan maksud tertentu yang berkait dengan bimbingan moral kenabian daripada fungsi dakwah, tarbiah ummah, pembentukan akhlak, serta motif pensyariatan hukum. Manakala ketiga, dimensi ekstrinsik yang menilai faktor-faktor luaran di sebalik tabir yang mempengaruhi penghasilan, penyampaian, dan kefahaman wacana nabawi melalui aplikasi standard kesituasian (*situationality*), keinformatifan (*informativity*) dan ketertekstualan (*intertextuality*).

Implikasi pembinaan model ini dapat dilihat dari sudut signifikannya kepada landskap metodologi syarah hadis moden. Tradisi pentafsiran hadis dari aspek linguistik sering kali terbahagi kepada dua aliran ekstrem iaitu sama ada terlalu bertumpu kepada ulasan tatabahasa melalui analisis perkataan demi perkataan (pendekatan mikro), atau terlalu bebas mengikut konteks moden sehingga mengabaikan struktur asli teks. Kehadiran kerangka bersepadu ini berpotensi bertindak sebagai jambatan epistemologi yang menyelesaikan ketidakseimbangan tersebut. Dengan memposisikan hadis sebagai wacana sakral yang memiliki tujuh standard ketekstualan teks, model ini menggunakan pendekatan analitikal yang lebih bersistem dan menyeluruh untuk meneliti kandungan hadis tanpa meminggirkan aspek teologi. Secara tuntas, model ini membuktikan bahawa penerapan teori linguistik Barat tidak mengurangkan kesucian hadis, sebaliknya memperkasakan metodologi syarah kontemporari agar kekal relevan, bersistem, dan berwibawa dalam mendepani arus pemikiran alaf baharu.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan..
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Universiti Sains Islam Malaysia di bawah Geran Penyelidikan Skim Guru (PPPI/SKIM GURU/FPBU/USIM/110224).
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Muhammad Izuan Abd Gani bertanggungjawab terhadap pengkonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Nazipah Binti Mat Shaid @ Md Said mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Asem Shehadeh Saleh Ali dan Mohd Nor Adzhar Ibrahim menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan..

Rujukan

- Abd Gani, M. I., & Ali, A. S. (2021). Robert De Beaugrande's textual standards and its impact on understanding of prophetic discourse: Hadith of the treatment for upset stomach as example. *Abqari Journal*, 26(1), 38–59.
- Abd Gani, M. I., & Ali, A. S. (2022). Robert De Beaugrande's textual standards and its impact on understanding the hadith of prophetic medicine of Talbīna. *NeuroQuantology*, 20(12), 1707–1722. <https://doi.org/10.14704/NQ.2022.20.12.NQ77151>
- Abd Gani, M. I. (2022). *Ma'ayir al-nass lada Robert de Beaugrande wa atharuha fi fahm ahadith al-tibb al-nabawi: Dirasah dalaliyyah nassiyah* [Doctoral dissertation, International Islamic University Malaysia]. IIUM Repository.
- Abdul-Raof, H. (2006). *Arabic rhetoric: A pragmatic analysis*. Routledge.
- Ahmad, H. (2026). Qur'anic Arabic as sacred discourse: Rhetoric, theology, and identity. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(1), 140–148. <https://doi.org/10.33306/mjssh/390>
- Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam*. ISTAC.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (t.th.). *Sahih al-Bukhari*. Dar Tawq al-Najah.
- Ali, A. S. S. (2013). *Faa'liyah ilmi al-lughah al-nassi fi tahlil ma'hud al-khitab al-'Arabi: Raqaiq sahih al-Bukhari numuzajan*. International Islamic University Malaysia.
- Ali, A. S., & al-Dahgīshiyyah, S. binti S. (2018). Forms of meaning in the Ibadhi sect's method of deduction of their doctrine of belief in the light of the acceptability and intentionality standards of Robert de Beaugrande. *Journal of Linguistic and Literary Studies*, 9(2), 5–31.
- Al-Qaradawi, Y. (1990). *Al-Sunnah maṣḍaran lil-ma'rifah wa al-ḥaḍarah*. Dar al-Shuruq.
- Al-Samarrai, F. S. (2000). *Ma'ānī al-Nahw*. Dār al-Fikr.
- Al-Suyutī, J. al-D. (1974). *Tadrib al-Rawi fi Sharḥ Taqrib al-Nawawi*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Austin, J. L. (1962). *How to do things with words*. Oxford University Press.
- Berutu, W. R. (2021). Teori asbāb al-wurūd dalam hadis. *Holistic al-Hadis Journal*, 7(2), 55–72.
- Brown, G., & Yule, G. (1983). *Discourse analysis*. Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511805226>
- Chomsky, N. (1965). *Aspects of the theory of syntax*. MIT Press.
- Crystal, D. (2020). *The Cambridge encyclopedia of language* (3rd ed.). Cambridge University Press.
- de Beaugrande, R., & Dressler, W. U. (1981). *Introduction to text linguistics*. Longman.
- Fauzi Deraman. (2001). *Pengantar ulum hadis*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ghani, M. A. (2024). For the noble sayings of the Prophet with two words: Read the meaning of brevity. *Journal of Language Studies*, 8(1), 46–70. <https://doi.org/10.25130/lang.8.1.3>
- Graham, W. A. (1993). *Beyond the written word: Oral aspects of scripture in the history of religion*. Cambridge University Press.
- Halliday, M. A. K., & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. Longman.
- Ḥassān, T. (1979). *Al-Lughah al-'Arabiyyah: Ma'naha wa Mabnaha*. Dar al-Thaqafah. <https://abqarijournal.usim.edu.my/index.php/abqari/article/view/487>
- Ibn al-Salah, 'U. ibn 'A. (1986). *Muqaddimah Ibn al-Salah fi 'Ulum al-Ḥadith*. Dar al-Fikr.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalani, A. ibn 'A. (1984). *Nuzhat al-Nazar fi Tawḍīḥ Nukhbat al-Fikar*. Maṭba'ah al-Ṣabah.
- Ibnu Hajar al-'Asqalani. (2004). *Fath al-Bari fi sharḥ sahih al-Bukhari*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- McCarthy, M. (1991). *Discourse analysis for language teachers*. Cambridge University Press.

- Nashih, N. R., Fazri, T., Aylia, N. L., & Sholihat, I. F. (2024). Signifikansi pemahaman makna hadis melalui ilmu ma'ani al-hadis dalam ajaran Islam di era kontemporer. *Jurnal Studi Hadis Nusantara*, 6(1), 31–39. <https://doi.org/10.24235/jshn.v6i1.18497>
- Nasr, S. H. (1994). *A young Muslim's guide to the modern world*. Kazi Publications.
- Nunan, D. (1993). *Introducing discourse analysis*. Penguin English.
- Renkema, J. (2004). *Introduction to discourse studies*. John Benjamins Publishing Company. <https://doi.org/10.1075/z.124>
- Rohani, M. M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap kesediaan pelajar dalam penggunaan teknologi, pedagogi, dan kandungan (TPACK) dalam pembelajaran kurikulum di IPT. *Proceedings of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*, Pulau Pinang, Malaysia.
- Rozi, M. S., & Imamuddin, B. (2025). Analisis tekstual dan kontekstual hadis tentang mengubah kemungkaran dalam hadis Arba'in karya Imam An-Nawawi. *Multikultura*, 4(1), Article 6. <https://doi.org/10.7454/multikultura.v4i1.1145>
- Searle, J. R. (1969). *Speech acts: An essay in the philosophy of language*. Cambridge University Press.
- Setiawan, A. (2026). Studi literatur sistematis tentang konsep Asbab al-Wurud dalam kajian ilmu hadis. *Journal of Hadith Studies*, 9(1), 12–25. https://www.researchgate.net/publication/404060577_STUDI_LITERATUR_SISTEMATIS_TENTANG_KONSEP_ASBAB_AL-WURUD_DALAM_KAJIAN_ILMU_HADIS
- van Dijk, T. A. (1980). *Macrostructures: An interdisciplinary study of global structures in discourse, interaction and cognition*. Lawrence Erlbaum Associates.
- Wellek, R., & Warren, A. (1948). *Theory of literature*. Harcourt, Brace and Company.
- Zakiar, Z. (2024). The relevance of the concept of hadith Jawami' al-Kalim in the information era: New strategies for spreading the wisdom of Islam. *AL QUDDS: Jurnal Studi Alquran dan Hadis*, 8(3), 438–452. <https://doi.org/10.29240/alquds.v8i3.10847>